

28 OCT 1997

KEGAWATAN HONG KONG SATU PENGAJARAN

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Sejak akhir-akhir ini Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sering diselar kerana kritiknya terhadap spekulasi berlebihan sehingga menyebabkan kegawatan di pasaran mata wang dan saham di rantau ini.

Bagaimanapun, penganalisis berkata serangan spekulatif yang berlaku sekarang ke atas pusat kewangan terulung Asia, iaitu Hong Kong, seharusnya melenyapkan pengkritik Dr Mahathir.

"(Hampir) semua orang mengkritiknya (Dr Mahathir) tetapi tiada siapapun berani berkata beliau tidak betul," kata seorang penganalisis.

Hong Kong, dalam usaha mempertahankan kadar dolar HK-AS, telah membiarkan kadar faedah melambung. Ini menyebabkan kejatuhan 10.4 peratus pada pasaran sahamnya Khamis lalu.

Langkah tersebut juga menggegarkan seluruh rantau ini serta meninggalkan kesan ke atas bursa-bursa saham Eropah dan Amerika Syarikat, termasuk kejatuhan 132 mata di Wall Street pada Isnin.

Pasaran Hong Kong pulih Khamis lalu tetapi kejatuhan sekali lagi pada Isnin mencetuskan kejatuhan terbesar, iaitu sebanyak 554.26 dalam sejarah Wall Street kepada 7,161.15 mata dan kesannya menggegarkan bursa-bursa saham di seluruh dunia termasuk Jepun.

"Jika kejatuhan berlaku lagi pada indeks Dow Jones, mereka akan menyuarakan rasa tidak senang terhadap "syarikat-syarikat pelaburan besar" yang memulakannya semua ini," kata seorang penganalisis yang lain.

Wall Street mungkin merosot jika ia jatuh ke bawah tahap 7,000 manakala pasaran Jepun pula seperti yang diukur oleh Indeks Nikkei mungkin merosot ke bawah tahap 16,000, kata penganalisis.

Pada penutupan urus niaga Selasa di pasaran saham Hong Kong, indeks Hang Seng menjunam sebanyak 13.7 peratus kepada 1,438.31, Indeks Nikkei jatuh 4.3 peratus kepada 16,312.69 mata manakala Indeks Komposit Kuala Lumpur jatuh ke tahap rendah sejak empat setengah tahun kepada 647.32, merosot 46.07 mata.

Seorang penganalisis berkata serangan terbaru terhadap pasaran Hong Kong seharusnya menyedarkan orang ramai bahawa spekulator tidak akan berpuas hati sehinggalah hasrat mereka tercapai.

Sungguhpun Dr Mahathir melahirkan kebimbangannya terhadap "penyanyak spekulator," beliau dikecam oleh media asing. Seseengah rakyat Malaysia, yang telah mengaut keuntungan hasil daripada kejayaan ekonomi Malaysia yang dilandaskan oleh perdana menteri itu, kini menyatakan bahawa Dr Mahathir terlalu banyak bercakap dan kemudiannya menyebabkan pasaran mata wang dan pasaran saham tempatan merosot.

Hong Kong berjaya mempertahankan dirinya daripada serangan pertama selepas baht Thai diapung.

Bagaimanapun dolar HK diserang selepas dolar Taiwan merosot ke tahap terendah sejak 12 tahun dan apabila Lembaga Kewangan Hong Kong cuba mempertahankan mata wang utama Asia yang terakhir yang masih lagi bergantung pada kadar dolar AS dengan meningkatkan kadar faedah dan bercadang menggunakan sebahagian daripada rizab asingnya untuk mempertahankan mata wang itu. Apabila dolar HK diserang, kesan ke atas saham HK begitu melumpuhkan.

"Kita tidak boleh teruskan dengan dana lindung nilai. Ia terlalu kuat. Ambil kes Taiwan, mengikut struktur, ia agak teguh daripada pasaran lain di rantau ini tetapi ia tidak mampu meneruskan dengan dana lindung nilai.

Cukup merugikan untuk mengeluarkan rizabnya dalam usaha mempertahankan mata wang itu," kata seorang penganalisis.

Ketika banyak yang mempersalahkan krisis kewangan semasa pada kelonggaran dalam struktur ekonomi pasaran-pasaran sedang muncul tetapi tidak mungkin pasaran yang lain, termasuk Hong Kong, mengalami kelemahan yang serupa.

Sesetengah penganalisis yang berpandangan jauh berkata perdana menteri memang betul dalam menyatakan bahaya spekulasi berlebihan dalam merosakkan ekonomi baru, tetapi beliau tidak berdaya menentang masalah itu bersendirian. Malahan ketua eksekutif Hong Kong Tung Chee-Hwa sependapat dengan Dr Mahathir apabila dolar HK diserang minggu lepas.

Katanya spekulator telah memutuskan untuk menyerang dolar HK setelah berjaya berbuat demikian ke atas mata wang asing yang lain di rantau ini tetapi menekankan bahawa pemerintahnya "komited untuk mengekalkan kadar dolar AS/HK.

Dengan kejatuhan pasaran kewangan dan pasaran saham terkemuka yang lain yang sebelum ini dianggap kuat secara struktur, para pemimpinnya kini berkata apa yang Dr Mahathir pernah menyatakan selama ini bahawa ekonomi mereka yang fundamentalnya kukuh tidak sewajarnya menerima serangan sedemikian rupa (dan kritikan).

Kegawatan ekuiti seluruh dunia yang berlaku sekarang sejak beberapa hari kebelakangan ini bukannya isu sebenar seperti yang dinyatakan penganalisis.

"Ia lebih merupakan dagangan. Hong Kong adalah satu daripada negara perdagangan yang terbesar di dunia dan sebarang perkara yang berlaku di wilayah tersebut akan meninggalkan kesan ke atas rakan-rakan kongsinya termasuk Eropah dan AS," kata seorang penganalisis. -- BERNAMA

SHO MA